



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 304**

**AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984**



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**  
**Akta 304**  
**AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984**

**SUSUNAN SEKSYEN**

**BAHAGIAN I**  
**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuasa dan pemakaian
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**

3. Penubuhan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.
4. Pengerusi Lembaga.
5. Setiausaha eksekutif kepada Lembaga.
6. Mesyuarat Lembaga.
7. Kaedah-kaedah bagi mengawalselia menyuarat dan prosiding.
8. Fungsi Lembaga.
9. Jawatankuam Lembaga.
10. Kuasa mengesan, mengesan dan mendapatan kembali fee.
11. Kuasa Menteri mengduarkan arahan-

**BAHAGIAN III**

**KAWALAN DAN PERLESENAN**

12. Melesenkan pemasangan nuklear dan "vit"
13. Pengelasan lesen.
14. Pengecualian bagi aktiviti mencarigali atau melowbong dan perlunya membuat laporan.
15. Pihak berkuasa perlesenan
16. Permohonan untuk lesen.
17. Syarat-syarat lesen.
18. Cagar bagi lesen.
19. Daftar.
20. Penyata.
21. Penyata bagi tiap-tiap jualan bahan radioaktif, dll.

**BAHAGIAN IV**

**PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN**  
**PEMBAHARUAN LESEN**

22. Pembatalan atau penggantungan lesen.
23. Pembaharuan lesen.
24. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkenaan terlebih dahulu bagi pertukaran alamat.

**BAHAGIAN V**  
**KESELAMATAN DAN KESELAMATAN**

25. Perlindungan pekerja.

**BAHAGIAN VI**  
**PELUPUSAN SISA RADIOAKTIF**

26. Kawalan terhadap pclupusan sisa radioaktif.  
27. Kawalaa terhadap penumpukan sisa radioaktif.  
28. Mak berkuasa berkenaan bolch mengarahkan pernegang lesen membetulkan keadaan jika kemudahan tidak mencukupi.  
29. Mak berkuasa berkenuan boleh memerintah pemegang lesen atau orang lain mengambil langkah-langkah bagi melindungi nyawa. kcsihatan dan harta.  
30. Mengan&Aut sisa radioaktif dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak berkuasa berkenaan.  
31. Budi bicara bagi meminta nasihat Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar.

**BAHAGIAN VI**  
**RAYUAN**

32. Rayuan.

**BAHAGIAN VIII**  
**KUASA MENYITA DAN MENANGKAP,KESALAHAN DAN LUCUTHAK**

33. Waran geledah.  
34. Hal-keadaan untuk menggeledah tanpa waran.  
35. Hak masuk, dsb.  
36. Mengambil contob-contoh, dll.  
37. Tanggungjawab kerajaan Malaysia. pihak berkuasa berkenaan pegawai awam.  
38. Lucuthak.  
39. Halangan terhadap, pemeriksaan pengeledahan atau penyiasatan mengenai kesalahan.  
40. Kesalahan.  
41. Kerahsiaan.

**BAHAGIAN IX**  
**LIABILITI TERHADAP KEROSAKAN NUKLEAR**

42. Makna "pengendali pemasangan" bagi maksud-maksud Bahagian.  
43. Liabiliti pengendali pemasangan  
44. Liabiliti terhadap kerosakan dari bahan-bahan nuclear dalam transit  
45. Liabiliti mutlak dan eksklusif.  
46. Pengecualian terhadap liabiliti.  
47. Hak bertindak.  
48. Kerajaan hendaklah menuntut pampasan bagi kerosakan nuklear kepada alam sekeliling.  
49. Kecuaian melampau atau tindakan sengaja pihak menuntut.

50. Liabiliti yang tidak dituntut oleh Akta.
51. Pembawa bahan nuklear atau orang yang mengendali sisa radiaktif dilantik sebagai pengendali pemasangan
52. Beberapa pengendali pemasangan bertanggung
53. Liabiliti pengendali bagi beberapa pemasangan nuklear yang terlibat dalam satu insiden nuklear.
54. Kerosakan bukan nuklear disifatkan sebagai kerosakan nuklear.
55. Perakuan kepada pembawa.
56. Beberapa pemasangan nuklear di atas tapak yang sama.
57. Penyiasatan mengenai insiden nuklear.
58. Pemeriksaan dan rawatan paksa
59. Had liabiliti.
60. Jaminan kewangan.
61. Tanggung rugi Kerajaan
62. Campur tangan dalam prosiding mahkamah
63. Penetapan hak dan tindakan.
64. Penetapan mengenai bahan nuklear yang dicuri, hilang.dibuang atau ditinggalkan.
65. Bila tuntutan melebihi had maksimum.
66. Pengecualian.

#### **BAHAGIAN X AM**

67. Perwakilan kuasa dan kewajipan
68. Peraturan-peraturan
69. Pengecualian.
70. Pemansuhan Akta Benda-Benda Radioaktif 1968.
71. Penjalanan kuatkuasa Akta.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 304

### AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalseliaan dan kawalan tenaga atom, mengenai penetapan standard-standard mengenai liabiliti terhadap kerosakan nuklear dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau berhubungan dengannya.

**MAKA INILAH DEPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam

(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"ahli radiologi" ertinya seorang pengamal perubatan berdaftar yang telah menerima latihan khas dan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai penggunaan atau pemakaian sinaran mengion bagi mengdiagnosis apa-apa, keadaan tubuh manusia;

"ahli radioterapi" ertinya seorang pengamal perubatan berdaftar yang telah menerima latihan khas dan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai penggunaan atau pemakaian sinaran mengion atau suatu baban ditetapkan bagi maksud untuk merawat atau meringankan apa-apa keadaan tak normal tubuh manusia atau bagi apa-apa maksud lain yang memerlukan pengetahuan khas tersebut;

"Akta ini" termasuklah peraturan-peraturan dan lain-lain perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini dan apa-apa jua perkara lain yang dibuat di bawah Akta ini, atau di bawah peraturan-peraturan atau lain-lain perundangan subsidiari seperti itu;

"alam sekeliling" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepada ungkapan itu dalam seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan, selain dari itu, hendaklah meliputi alam sekeliling marin;

"bahan api nuklear" ertinya apa-apa bahan yang boleh mengeluarkan tenaga melalui suatu proses pembelahan nuklear berantai topang, sama ada ianya sahaja atau bercampur dengan sesuatu bahan lain, dan meliputi bahan boleh belah dalam bentuk logam uranium, aloi ataupun sebatian kimia, atau apa-apa bahan lain sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa melalui perintah dalam Warta sebagai bahan api nuklear bagi maksud-maksud Akta ini;

"bahan nuklear" ertinya bahan api nuklear atau bahan-bahan lain yang digunakan bagi membuat bahan api nuklear;

"bahan radioaktif" ertinya apa-apa bahan api nuklear, hasil radioaktif atau sisa radioaktif;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan;

"doktor pergigian berdaftar", "pengamal perubatan berdaftar", "ahli farmasi berdaftar" dan "doktor veterinar berdaftar" masing-masing ertinya doktor pergigian, pengamal perubatan, ahli farmasi dan doktor veterinar yang didaftarkan sebagai sedemikian mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis berhubungan dengan pendaftaran orang-orang tersebut;

"insiden nuklear" ertinya apa-apa kejadian atau siri kejadian dari punca yang sama yang menyebabkan kerosakan nuklear;

"kenderaan" termasuklah kapal, keretapi, kereta, pesawat udara, dan mana-mana cara pengangkutan lain yang dengannya orang atau barang-barang boleh dibawa;

"kerosakan nuklear" ertinya apa-apa, kehilangan nyawa, kecederaan ke atas seseorang, kehilangan, kehilangan akan kegunaan, atau kerosakan kepada harta, atau kehilangan, kehilangan akan kegunaan, atau kerosakan kepada, alam sekeliling yang berbangkit atau berakibat dari-

- (a) sifat-sifat radioaktif atau percampuran sifat-sifat radioaktif dengan sifat-sifat toksik, eksplosif atau lain-lain sifat berbahaya akan bahan api nuklear atau keluaran-keluaran radioaktif atau sisa radioaktif dalam, atau akan bahan nuklear yang datang dari, berasal di, atau dihantar ke, suatu pemasangan nuklear; atau
- (b) sinaran mengion yang dikeluarkan melalui apa-apa sumber sinaran lain di dalam suatu pemasangan nuklear;

"Lembaga" ertinya Lembaga, Perlesenan Tenaga Atom yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“orang” ertinya mana-mana individu, perkongsian, badan persendirian atau awam sama ada diperbadankan atau tidak, institusi atau organisasi, atau manamana badan, institusi atau organisasi antarabangsa yang menikmati taraf sebagai orang di sisi undang-undang di bawah undang-undang negara atau wilayah negara di mana pemasangan nuklear itu terletak;

“pegawai kanan awam” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis pada amnya atau khasnya oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta ini dan termasuk Ketua Pengarah Kesihatan di mana dianya pihak berkuasa berkenaan;

“pernegang lesen” ertinya pernegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

“pengendali pemasangan” ertinya seorang yang dilesen di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa berkenaan sebagai pengendali pemasangan nuklear;

“pemasangan nuklear” ertinya-

- (a) mana-mana reaktor nuklear selain dari reaktor yang dilengkapkan kepada suatu alat pengangkutan laut atau alat pengangkutan udara untuk digunakan sebagai sumber kuasa, sama ada bagi maksud menggerakkannya atau bagi apa-apa maksud lain;
- (b) mana-mana kilang yang menggunakan bahan api nuklear untuk mengeluarkan bahan nuklear;
- (c) mana-mana kilang yang menggunakan bahan nuklear untuk mengeluarkan bahan api nuklear atau mana-mana kilang yang direkabentuk atau dipadankan untuk memproses bahan nuklear, termasuk memproses semula bahan api nuklear yang disinari; atau
- (d) mana-mana kemudahan di mana bahan nuklear diletakkan atau distor selain dari penstoran yang bersampingan dengan pengangkutan bahan itu;

Dengan syarat pihak berkuasa berkenaan boleh menetapkan bahawa beberapa pemasangan nuklear yang dikendalikan oleh seorang pengendali pemasangan yang terletak di tapak yang sama hendaklah dianggap sebagai satu pemasangan nuklear;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“pihak berkuasa berkenaan” ertinya-

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan di mana aktiviti yang akan dilesenkan atau dilesenkan di bawah Akta ini adalah berkenaan dengan maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga; atau
- (b) Lembaga di mana aktiviti yang akan dilesenkan atau dilesenkan di bawah Akta ini adalah berkenaan dengan suatu maksud selain dari maksud perubatan;

“radas penyinaran” ertinya radas yang boleh mengeluarkan sinaran mengion;



“reaktor nuklear” ertinya apa-apa struktur yang mengandungi bahan api nuklear yang sebegitu tersusun hingga membolehkan proses pembelahan nuklear berantai topang berlaku di dalamnya tanpa tambahan sumber neutron;

“sinaran mengion” ertinya sinaran elektromagnet atau sinaran zarah yang boleh mengeluarkan pengionan dalam perjalanannya melalui jirim;

“sisa radioaktif” ertinya apa-apa sisa yang mengandungi kesemua atau sebahagian daripada-

- (a) benda atau barang yang jika ianya bukan sisa dikira bahan radioaktif; atau
- (b) benda atau barang yang telah tercemar semasa mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan dibuat, disimpan atau digunakan, atau telah tercemar dengan tersentuh atau berdekatan dengan apa-apa sisa lain dalam erti perenggan (a) takrif ini;

“tenaga atom” ertinya. segala tenaga dari apa jua jenis yang terbit dari atau diwujudkan dengan transmudasi atom;

“urusan”, berhubung dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran, ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang sedemikian itu yang dikilang diperdagang, dikeluarkan, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau dieksport.

## **BAHAGIAN II**

### **LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**

3. (1) Maka adalah ditubuhkan, bagi maksud Akta ini, suatu badan yang hendaklah dikenali sebagai Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang mana anggotanya hendaklah dilantik oleh Menteri.

Penubuhan  
Lembaga  
Perlesenan  
Tenaga Atom

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang anggota lain, yang mana kesemua mereka hendaklah mempunyai kelayakan-kelayakan dalam bidang sains atau teknik yang relevan dengan tenaga atom atau lain-lain cabang ilmu pengetahuan yang berkaitan dengannya. Di antara anggota-anggota itu hendaklah terdapat, seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab atas kesihatan dan seorang lagi daripada Kementerian yang bertanggungjawab atas perkara-perkara di bawah Akta ini.

(3) Seorang anggota Lembaga hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, mernegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak dilantik semula.

(4) Perlantikan mana-mana anggota Lembaga boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.

(5) Seorang anggota Lembaga boleh dengan surat yang ditandatangani yang dialamatkan kepada Menteri meletakkan jawatannya dan perletakan jawatan itu hendaklah mula berkuatkuasa sebaik sahaja ianya diterima oleh Menteri.

(6) Anggota-anggota Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kerja Lembaga sebagaimana ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa dengan persetujuan Menteri Kewangan.

4.(1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Pengerusi Lembaga hendaklah  
mempengerusikan semua mesyuaratnya. Pengerusi  
Lembaga.

(2) Pengerusi tidak boleh mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Lembaga kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 6 (3).

(3) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara di sepanjang sesuatu tempoh apabila -

(a) Pengerusi tidak dapat kerana apa-apa jua sebab melaksanakan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini; atau

(b) jawatan Pengerusi adalah kosong,

dan mana-mana anggota yang dilantik sedernikian untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara boleh dengan sewajarnya melaksanakan tugas-tugas dan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa Pengerusi di sepanjang tempoh itu.

5. Ketua jabatan dalam Kementerian yang bertanggungjawab atas perkara-perkara di bawah Akta ini hendaklah menjadi setiausaha eksekutif kepada Lembaga.

6. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi. Mesyuarat  
Lembaga.

(2) Empat orang anggota, termasuk Pengerusi, hendaklah menganggotai kuorum Lembaga. Setiausaha  
eksekutif  
kepada  
Lembaga.

(3) Jika sekiranya bilangan undi didapati sama banyak atas apa-apa perkara di hadapan Lembaga, Pengerusi berhak memberi undi permutus.

7. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawalselia mesyuarat dan prosidingnya, dan mesyuarat dan prosiding jawatan-kuasa-jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 9. Kaedah-kaedah  
bagi mengawal-  
selia mesyuarat  
dan prosiding.

8. Lembaga hendaklah, selain dari apa-apa fungsi lain yang diuntukkan kepadanya di bawah Akta ini, mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- (a) memberi nasihat kepada Menteri dan Kerajaan Malaysia atas perkara-perkara berhubung dengan Akta ini dan perkembangan-perkembangan mengenainya terutama mengenai implikasi-implikasi perkembangan itu bagi Malaysia;
- (b) mengawal dan mengawasi pengeluaran, pernakaian dan penggunaan tenaga atom dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya;
- (c) menubuh, menyenggara dan mengembangkan kerjasama saintifik dan teknik dengan mana-mana badan, institusi atau organisasi lain berhubung dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom sebagaimana difikirkan sesuai oleh Lembaga bagi maksud-maksud Akta ini;
- (d) di mana diarahkan sedemikian oleh Kerajaan Malaysia, melaksanakan atau memperuntukkan bagi pelaksanaan obligasi-obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti berhubung dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom yang mana Malaysia menjadi satu pihak jika perjanjian, konvensyen atau triti itu ada hubungannya dengan maksud-maksud Akta ini; dan
- (e) melakukan perkara-perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini yang tidak berlawanan dengan maksud-maksud Akta ini, sama ada diarahkan ataupun tidak diarahkan oleh Menteri.

**9.** (1) Lembaga. boleh dari semasa ke semasa. melantik beberapa jawatankuasa sebagaimana difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi membantunya dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Jawatankuasa  
Lembaga.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen 7, jawatankuasa-jawatankuasa itu boleh mengawalselia prosedur masing-masing.

(3) Anggota-anggota jawatankuasa itu boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berkaitan dengan kerja jawatankuasa sebagaimana ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa dengan persetujuan Menteri Kewangan.

**10.** (1) Lembaga adalah berkuasa mengenakan dan menerima fee-fee dan, melalui Kerajaan Malaysia, mendapatkan kembali fee-fee kerana apa-apa perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga.

Kuasa  
mengenakan,  
menerima dan  
mendapatkan  
kembali fee.

(2) Kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak menjejaskan kuasa Menteri di bawah seksyen 68 (2) (m).

**11.** Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada Lembaga arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan Akta ini mengenai polisi yang dipatuhi dalam melaksanakan fungsi-fungsi dan dalam menjalankan kuasa-kuasa Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan-arahan itu.

Kuasa  
Menteri  
mengeluar-  
kan arahan.

### **BAHAGIAN III KAWALAN DAN PERLESENAN**

**12.**(1)Tanpa menyentuh kehendak-kehendak mana-mana undang-undang lain, tiada seorang pun boleh—

- (a) menempatkan tapak, membina atau mengendalikan suatu pemasangan nuklear;
- (b) berurusan dengan, memiliki atau melupus apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran,

melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah seksyen 16 (5) oleh pihak berkuasa berkenaan bagi apa-apa maksud dan seperti yang dinyatakan dalam lesen.

Melesenkan pemasangan nuklear dan aktiviti

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan-

- (a) mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang dibawa sebagai sebahagian daripada storan atau kelengkapan mana-mana kapal atau pesawat udara; dan sekiranya terdapat keraguan sama ada bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran dibawa sedemikian, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Lembaga menyatakan bahawa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu adalah atau bukan sebahagian daripada apa-apa storan atau kelengkapan itu adalah terakhir dan muktamad; atau
- (b) mana-mana orang yang secara sah di sisi undang-undang bertindak di bawah pengawasan atau arahan seseorang yang memiliki lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(3) Suatu lesen bagi penggunaan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran bagi maksud-maksud diagnosis atau terapeutik boleh dikeluarkan hanya kepada pengamal perubatan berdaftar, doktor veterinar berdaftar, ahli radiologi, ahli radioterapi atau doktor pergigian berdaftar.

**13.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 68 (2) (c) bagi pengelasan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

Pengelasan lesen.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran bagi apa-apa maksud selain dari yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan kepadanya berkenaan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu.

**14.** (1) Untuk mengelakkan keraguan, ungkapan "mengeluar" dan "pengeluaran" dalam Akta ini berhubungan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan tidaklah termasuk sama ada aktiviti-aktiviti mencarigali atau melombong apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan.

Pengecualian bagi aktiviti mencarigali atau melombong dan perlunya membuat laporan.

Aktiviti-aktiviti ini hendaklah dikawal oleh undang-undang relevan yang berhubungan dengan perlombongan.

(2) Mana-mana orang yang, pada menjalankan sama ada aktiviti mencarigali atau melombong atau kedua-duanya, menemui, menjumpai atau memperolehi apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan hendaklah dengan segera melaporkan secara bertulis hal itu kepada Lembaga dan hendaklah mematuhi semua arahan yang diberi oleh Lembaga dalam perkara itu, yang adalah arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan undang-undang relevan yang berhubungan dengan perlombongan.

**15.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, pihak berkuasa perlesenan di bawah Akta ini ialah Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah memberi keizinan menyeluruh kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengeluarkan lesen-lesen yang berasingan bagi pihak Lembaga kepada mana-mana orang yang memohon lesen bagi menjalankan apa-apa aktiviti yang disebutkan dalam pengelasan lesen-lesen di bawah Akta ini di mana aktiviti-aktiviti tersebut adalah dicadangkan untuk maksud-maksud perubatan.

(3) Ketua Pengarah Kesihatan. hendaklah memproses permohonan dengan cara yang sama sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta ini bagi memproses lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga dan apa-apa sebutan kemudian dari ini mengenai ungkapan "lesen" hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ertinya lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang adalah Ketua Pengarah Kesihatan atau Lembaga, mengikut mana yang berkenaan.

**16.** (1) Seseorang pemohon yang memohon lesen di bawah Akta ini hendaklah mula-mula sekali membuat permohonan bagi maksud itu kepada Lembaga.

Permohonan  
untuk lesen.

(2) Apabila permohonan sedemikian dibuat, Lembaga hendaklah menentukan sama ada aktiviti yang akan dilesenkan itu adalah untuk maksud perubatan atau suatu maksud selain dari maksud perubatan.

(3) Jika Lembaga memutuskan bahawa aktiviti yang akan dilesenkan itu adalah berkenaan dengan maksud perubatan, Lembaga hendaklah merujuk permohonan itu kepada Ketua Pengarah Kesihatan supaya Ketua Pengarah Kesihatan menimbangkan permohonan itu.

(4) Jika Lembaga memutuskan bahawa aktiviti yang akan dilesenkan. itu adalah untuk suatu maksud selain dari maksud perubatan, Lembaga hendaklah terus menimbangkan permohonan itu.

(5) Pihak berkuasa berkenaan boleh selepas itu mengeluarkan. kepada pemohon suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan apabila dibayar fee yang ditetapkan atau boleh, jika difikirkannya patut, enggan mengeluarkan lesen itu.

(6) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, terus berkuatkuasa selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan dalam satu-satu kes.

**17.** (1) Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan, dan pihak berkuasa itu juga, boleh menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat yang dikenakan itu pada, bila-bila, masa.

(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), suatu lesen yang disebutkan dalam pengelasan lesen-lesen boleh dihadkan kepada bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan daripada jenis atau jenis-jenis tertentu, atau boleh dihadkan kepada maksud-maksud diagnosis atau terapeutik tertentu, yang terhad jenis dan keadaannya; dan suatu lesen yang dikeluarkan bagi radas penyinaran boleh dihadkan kepada jenis atau jenis-jenis tertentu atau boleh dihadkan kepada maksud-maksud diagnosis atau terapeutik tertentu yang terhad jenis dan keadaannya.

**18.** (1) Pihak berkuasa berkenaan boleh menghendaki, sebelum sesuatu lesen dikeluarkan di bawah Akta ini, supaya diberi apa-apa cagaran sebagaimana ditetapkannya bagi maksud pematuhan yang wajar akan syarat-syarat lesen itu.

Cagaran bagi lesen.

(2) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan lain Akta ini, di mana terdapat apa-apa jua pelanggaran terhadap mana-mana syarat lesen, cagaran itu atau sebahagian daripadanya sebagaimana ditentukan oleh pihak berkuasa berkenaan hendaklah dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

**19.** (1) Pihak berkuasa berkenaan hendaklah menyimpan dan menyenggara apa-apa daftar sebagaimana ditetapkan bagi maksud-maksud Akta ini.

Daftar.

(2) Kandungan tiap-tiap daftar itu boleh dibuktikan dalam mana-mana prosiding tanpa mengemukakan daftar itu dengan perakuan yang ditandatangani oleh pihak berkuasa berkenaan dan tiap-tiap perakuan itu hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

**20.** (1) Tiap-tiap pemegang lesen yang ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran hendaklah membuat suatu penyata mengenai bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu kepada pihak berkuasa berkenaan sebagaimana ditetapkan.

Penyata.

(2) Tiap-tiap penyata itu hendaklah menyatakan kuantiti dan jenis bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang ada dalam milik atau di bawah kawalan pemegang lesen itu berserta dengan apa-apa butir lain sebagaimana dikehendaki oleh pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa.

Penyata tiap-tiap jualan bahan radioaktif, dll.

**21.** (1) Suatu penyata mengenai tiap-tiap penjualan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran hendaklah dikemukakan kepada Lembaga oleh orang yang menjual bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran dalam masa dua minggu selepas penjualan itu dan penyata itu hendaklah mengandungi nama dan alamat yang disahkan orang yang kepadanya bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu dijual, sebagai tambahan kepada apa-apa butir lain yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Di mana bahan radioaktif, bahan nuklear benda ditetapkan atau radas penyinaran dijual bagi maksud perubatan, Lembaga hendaklah menyerahkan satu salinan penyata itu kepada Ketua Pengarah Kesihatan.

#### **BAHAGIAN IV PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBAHARUAN LESEN**

**22.** (1) Pihak berkuasa berkenaan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal keadaan yang berikut membatalkan, atau menggantung selama tempoh yang difikirkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan olehnya di bawah Akta ini- Pembatalan atau penggantungan lesen.

- (a) jika pemegang lesen telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) jika pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen;
- (c) jika pemegang lesen berhenti menggunakan atau mengendalikan pemasangan nuklear yang berkenaan dengannya lesen itu telah dikeluarkan; atau
- (d) jika pada pendapat pihak berkuasa berkenaan adalah untuk kepentingan awam berbuat demikian.

(2) Jika sesuatu lesen telah dibatalkan atau digantung, pihak berkuasa berkenaan boleh, pada masa pembatalan atau penggantungan itu, atau dari semasa ke semasa selepas itu sepanjang baki tempoh yang jika tidak kerana pembatalan atau penggantungan itu lesen itu masih sah, memberi apa-apa arahan kepada pemegang lesen sebagaimana difikirkan perlu untuk kepentingan awam dan pemegang lesen hendaklah mematuhi semua arahan itu.

(3) Pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa tuntutan atau berhak mendapat pampasan kerana apa-apa kerugian terhadap dirinya disebabkan oleh pembatalan atau penggantungan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau yang disebabkan oleh keengganan membaharui lesen itu.

**23.** (1) Lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini boleh dibaharui dari semasa ke semasa. Pembaharuan lesen.

(2) Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa berkenaan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(3) Pihak berkuasa berkenaan boleh atas permohonan itu membaharui lesen atau boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, enggan membaharui lesen itu.

24. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan mengenai apa-apa pertukaran alamat premis yang dinyatakan dalam lesen.

Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkenaan terlebih dahulu bagi pertukaran alamat.

## **BAHAGIAN V KESIHATAN DAN KESELAMATAN**

25. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa bagi perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja dan semua orang lain dari sinaran mengion, termasuk arahan dalam perkara-perkara mengenai:

Perlindungan pekerja.

- (a) keadaan pendedahan;
- (b) penghadan dos;
- (c) pendedahan pekerjaan;
- (d) pendedahan perubatan;
- (e) pendedahan kepada orang ramai dan orang-orang selain dari pekerja, tidak termasuk pendedahan perubatan;
- (f) pendedahan tak sengaja;
- (g) pendedahan kecemasan; dan
- (h) pendedahan selain dari yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (g).

(2) Jika pihak berkuasa berkenaan mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana pekerja telah atau mungkin terdedah kepada sinaran mengion, pihak berkuasa berkenaan boleh menghendaki pemegang lesen-

- (a) menyediakan dan menghendaki pekerja itu memakai alat-alat pengawasan personel yang diluluskan;
- (b) menyimpan rekod-rekod mengenai dos dan jenis sinaran mengion yang pekerja itu telah atau mungkin terdedah;
- (c) memasang atau menggunakan alat-alat pengawasan pada tempat-tempat kerja bagi merekod amaun sinaran mengion yang ada dan menyimpan rekod-rekod itu; dan
- (d) menyediakan pemeriksaan perubatan bagi pekerja itu oleh pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan pada lat-lat tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan.



(3) Pihak berkuasa berkenaan boleh menurut budi bicaranya menghendaki pemegang lesen menyediakan pada lat-lat tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan pemeriksaan perubatan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan bagi semua atau mana-mana daripada pekerja pemegang lesen yang terdedah atau mungkin terdedah kepada sinaran mengion.

(4) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang menjalankan pemeriksaan perubatan di bawah subseksyen (2) (d) atau (3) hendaklah memberitahu pihak berkuasa berkenaan dalam borang yang ditetapkan mengenai tiap-tiap pekerja yang kesihatannya terganggu atau dipercayai dengan munasabahnya terganggu oleh sinaran mengion.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pekerja" termasuk mana-mana orang yang bekerja di bawah arahan pemegang lesen, sama ada digaji olehnya atau pun tidak, semasa mengendalikan atau mengguna, atau yang akan bersentuhan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran.

(6) Menteri boleh menetapkan standard keselamatan asas bagi perlindungan pekerja dan semua orang lain terhadap sinaran mengion.

## **BAHAGIAN VI PELUPUSAN SISA RADIOAKTIF**

**26.** (1) Tiada seorang pun boleh melupus atau menyebabkan dilupus apa-apa sisa radioaktif tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa berkenaan.

Kawalan terhadap pelupusan sisa radioaktif.

(2) Apa-apa kebenaran yang diberi di bawah seksyen ini boleh tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan.

**27.** (1) Tiada seorang pun boleh menumpuk atau menyebabkan ditumpuk apa-apa sisa radioaktif di mana-mana premis tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa berkenaan.

Kawalan terhadap penumpukan sisa radioaktif.

(2) Apa-apa kebenaran yang diberi di bawah seksyen ini boleh tertakluk kepada yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan.

(3) Jika pelupusan apa-apa sisa radioaktif telah dibenarkan di bawah seksyen 26 dan mengikut kebenaran itu sisa tersebut dikehendaki atau dibenarkan ditumpuk untuk tujuan dilupuskan kemudiannya, tiada apa-apa kebenaran lanjut di bawah seksyen ini diperlukan bagi mengumpuk atau menyebabkan ditumpuk sisa itu mengikut kebenaran yang diberi di bawah seksyen 26.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini, jika apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan, dikeluarkan, disimpan atau diguna di dalam atau di atas mana-mana premis dan apa-apa benda yang terbit daripada pengeluaran,

penyimpanan atau penggunaan bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan itu tertumpuk di mana-mana bahagian premis yang diuntukkan bagi maksud itu dan disimpan di situ bagi tempoh tidak kurang dari tiga bulan, benda yang terbit daripada pengeluaran, penyimpanan atau penggunaan itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap-

(a) sebagai sisa radioaktif; dan

(b) ditumpukkan di premis untuk tujuan dilupuskan kemudiannya.

**28.** Jika pada hemat pihak berkuasa berkenaan tidak ada kemudahan yang mencukupi bagi menumpuk, menstor atau melupus apa-apa sisa radioaktif dengan selamatnya, pihak berkuasa berkenaan boleh mengarahkan pemegang lesen membetulkan situasi itu dan pemegang lesen hendaklah melaksanakan arahan itu.

Pihak berkuasa berkenaan boleh mengarahkan pemegang lesen membetulkan keadaan jika kemudahan tidak mencukupi. Pihak berkuasa berkenaan boleh memerintah pemegang lesen atau orang lain mengambil langkah-langkah bagi melindungi nyawa, kesihatan

**29.** Jika situasi atau keadaan yang membahayakan nyawa, kesihatan, harta atau alam sekeliling terdapat di dalam atau di atas mana-mana premis, pemasangan nuklear, kenderaan atau tapak, pihak berkuasa berkenaan boleh mengarahkan pemegang lesen atau mana-mana orang lain yang pada pendapatnya adalah bertanggungjawab bagi premis, pemasangan nuklear, kenderaan atau tapak itu, mengambil apa-apa langkah yang akan menghapus atau memberi perlindungan daripada berlakunya situasi atau keadaan itu.

**30.** (1) Tiada seorang pun boleh mengangkut apa-apa sisa radioaktif tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak berkuasa berkenaan.

Mengangkut sisa radioaktif dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak berkuasa berkenaan.

(2) Apa-apa kebenaran yang diberi oleh pihak berkuasa berkenaan di bawah seksyen ini boleh tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan perlu dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan bagi perlindungan orang ramai.

**31.** Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Bahagian ini, pihak berkuasa berkenaan boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, meminta nasihat Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar yang dilantik di bawah seksyen 3 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengenai apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

Budi bicara bagi meminta nasihat Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar.

## **BAHAGIAN VII RAYUAN**

**32.** (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan apa-apa keputusan pihak berkuasa berkenaan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keputusan itu memberi notis rayuan secara bertulis kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan.

Rayuan.

(2) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang praktik menyebab disampaikan kepada perayu notis bertulis menyatakan tarikh, masa dan tempat di mana rayuan itu akan dibicarakan:

Dengan syarat bahawa, tarikh yang dinyatakan sedemikian hendaklah bagaimanapun tidak lebih awal daripada tiga puluh hari daripada tarikh penyampaian notis itu.

(3) Alasan-alasan rayuan hendaklah dihantar kepada Menteri tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan rayuan.

(4) Semasa pembicaraan rayuan itu perayu boleh hadir sama ada sendiri atau diwakili oleh peguam dan Menteri boleh meminta apa-apa keterangan yang difikirkannya patut.

(5) Menteri boleh, selepas mendengar rayuan itu, membuat suatu perintah mengesah atau mengenyahkan keputusan pihak berkuasa berkenaan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut, dan perintah Menteri adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(6) Semua pihak yang berkenaan hendaklah melaksanakan keputusan Menteri di dalam perkara itu.

## **BAHAGIAN VIII KUASA MENYITA DAN MENANGKAP, KESALAHAN DAN LUCUTHAK**

**33.** (1) Jika pada bila-bila masa pada hemat mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis secara bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang disifatkannya perlu, ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam atau di atas mana-mana premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan ada disembunyi, disimpan, dideposit atau distor apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, atau mana-mana buku atau dokumen secara langsung ataupun secara tidak langsung berhubungan dengan atau berkaitan dengan apa-apa urusan mengenai apa-apa jua bahan radioaktif, bahan nuklear, benda, ditetapkan atau radas penyinaran yang menjadi kesalahan, atau apa-apa urusan yang dicadangkan mengenainya yang akan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kanan awam yang disebutkan namanya, pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan-

Waran  
geledah.

(a) memasuki premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan dan di situ menggeledah dan menyita apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran, buku atau dokumen;

- (b) menangkap mana-mana orang yang berada di dalam atau di atas premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan yang di dalam milik atau di bawah kawalannya bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran, buku atau dokumen dijumpai, atau orang yang pegawai itu percayai dengan munasabahnya telah berurusan dalam bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu, atau telah berada dalam milik atau kawalan buku atau dokumen itu, atau telah membawa, menerima, menyembunyi, menyimpan, mendeposit atau menstor bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran, buku atau dokumen itu.

(2) Pegawai itu boleh jika didapatinya perlu berbuat demikian, dengan atau tanpa bantuan-

- (a) memecah buka mana-mana pintu atau tingkap atau sebahagian daripada premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan untuk kemasukan ke dalamnya;
- (b) dengan kekerasan memasuki premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan dan ke semua bahagiannya;
- (c) dengan kekerasan mengalih apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pengambilan yang dia berkuasa melaksanakan; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang didapati berada di dalam atau di atas premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan sehingga premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan itu telah digelegah.

**34.** (1) Jika pada bila-bila masa pada hemat mana-mana pegawai kanan awam bahawa ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam atau di atas mana-mana premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan ada disembunyi, disimpan, dideposit atau distor, bersalahan dengan Akta ini, apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran, buku atau dokumen seperti yang diperihalkan dalam subseksyen (1) seksyen 33 dan dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dengan sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah, tujuan pengeledahan itu mungkin terkecewa, dia boleh menjalankan dalam, atas dan berkenaan dengan premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan kesemuanya kuasa yang disebutkan dalam seksyen 33 dengan cara yang penuh dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa berbuat demikian oleh waran.

Hal keadaan untuk menggeledah tanpa waran.

(2) Mana-mana pegawai kanan awam boleh menahan dan menggeledah dan menyita jika perlu, mana-mana kenderaan yang dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ianya digunakan bagi membawa apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran, atau mana-mana barang lain yang boleh dikenai lucuthak di bawah Akta ini.

Hak masuk, dsb.

**35.** (1) Tanpa menyentuh seksyen 33 dan 34, mana-mana pegawai kanan awam hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, mempunyai hak untuk-

- (a) memasuki, memeriksa dan menggeledah pada setiap masa mana-mana premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan dalam mana pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ada distor atau disimpan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran atau ada apa-apa aktiviti yang sedang dijalankan yang berkenaan dengannya suatu lesen diperlukan di bawah Akta ini, bagi maksud memeriksa, menguji atau menentukur bahan, benda atau radas penyinaran itu, mengikut mana yang berkenaan; atau
- (b) menghendaki pemegang lesen atau penduduk premis, tapak, atau pemasangan nuklear atau orang yang menjaga kenderaan untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang ada dalam milik atau kawalan pemegang lesen, penduduk atau orang itu berhubungan dengan apa-apa aktiviti yang berkenaan dengannya suatu lesen diperlukan di bawah Akta ini sebagaimana ditetapkan oleh pegawai itu.

(2) Mana-mana pegawai yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah menunjukkan surat kuasa atau dokumen pengenalannya apabila diminta.

**36.** Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan lain dalam Bahagian ini, mana-mana pegawai kanan awam boleh, semasa di dalam atau di atas premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan yang disebutkan dalam Bahagian ini-

Mengambil contoh-contoh, dll.

- (a) mengambil, tanpa bayaran, apa-apa contoh mana-mana bahan atau benda yang dia percayai adalah bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau sisa radioaktif sebagaimana perlu bagi maksud pemeriksaan dan ujiannya; atau
- (b) membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa lukisan, pelan atau dokumen yang didapati di dalamnya dan, bagi maksud membuat salinan atau cabutan sedemikian, boleh mengambil apa-apa lukisan, pelan atau dokumen itu selepas memberi suatu resit yang ditandatangani baginya dan menyimpannya selama tempoh tidak lebih daripada empat belas hari.

**37.** Kerajaan Malaysia, pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai awam yang bertindak di bawah Akta ini tidaklah bertanggungjawab untuk menanggung rugi mana-mana orang yang mengalami apa-apa kerosakan kepada harta atau kehilangan harta disebabkan oleh apa-apa kemasukan, pengeledahan atau penyitaan di bawah Akta ini melainkan jika kerosakan atau kehilangan itu telah disebabkan oleh keabaian sengaja atau keingkaran sengaja pihak berkuasa berkenaan atau pegawai awam itu.

Tanggung rugi Kerajaan Malaysia, pihak berkuasa berkenaan dan pegawai awam.

**38.** (1) Mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran atau sisa radioaktif yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah

Lucuthak.

Akta ini dilakukan atau mana-mana buku, dokumen atau kenderaan yang berkaitan dengan kesalahan itu, boleh dikena lucuthak.

(2) Apa-apa barang yang diperintahkan dilucuthak di bawah Akta ini hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana diarahkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

**39. Mana-mana orang yang-**

- (a) enggan membenarkan mana-mana pegawai kanan awam akses ke mana-mana premis, tapak, pemasangan nuklear atau kenderaan yang dia berhak mendapatnya di bawah Akta ini;
- (b) menyerbu, menghalang, menghindar atau melengahkan mana-mana pegawai kanan awam dalam melaksanakan mana-mana kemasukan yang dia berhak melaksanakan di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa tugas yang dipertanggungjawabkan atau kuasa yang diberi di bawah Akta ini;
- (c) gagal mematuhi mana-mana tuntutan atau perintah mana-mana pegawai kanan awam yang sah di sisi undang-undang dalam melaksanakan apa-apa tugas yang dipertanggungjawabkan atau kuasa yang diberi di bawah Akta ini;
- (d) enggan atau abai memberi kepada mana-mana pegawai kanan awam apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki dan yang ada padanya yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) memberi kepada mana-mana pegawai kanan awam maklumat dengan menyatakannya sebagai benar, maklumat yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu;
- (f) menyembunyi atau cuba menyembunyikan atau gagal mengemukakan apa-apa bahan radio aktif, bahan nuklear, bahan ditetapkan, radaspenyinaran, sisa radioaktif, buku atau dokumen yang berhubungan dengannya terdapat alasan yang munasabah bagi mengesyaki suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini;
- (g) melepaskan diri atau cuba melepaskan diri dari jagaan sah selepas ditangkap kerana suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (h) menyelamatkan atau cuba menyelamatkan atau menyebabkan diselamatkan mana-mana orang yang telah ditangkap dengan sepenuhnya atau apa-apa barang yang telah disita dengan sepenuhnya di bawah Akta ini; atau
- (i) sebelum atau selepas apa-apa jua penyitaan di bawah Akta ini, memecah atau memusnahkan apa-apa barang untuk menghalang penyitaan itu,

Halangan terhadap pemeriksaan, penggeladahan atau penyiasatan mengenai kesalahan.

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara bagi tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

**40.** (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini. Kesalahan

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, apabila disabitkan, kiranya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata baginya, dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu adalah melakukan kesalahan tersebut:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menyebabkan mana-mana orang tersebut itu bertanggung sedemikian jika dia membuktikan bahawa dia menjalankan segala usaha yang wajar dan telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi mencegah berlakunya kesalahan itu dan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan dan kebiarannya.

(4) Mana-mana orang yang tetap boleh dikenakan hukuman di bawah Akta ini kerana apa-apa perkara yang dilakukan atau ditinggalkan jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkannya sendiri, boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dan telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi mencegah perlakuan atau ketinggalan perkara itu dan bahawa perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan tanpa pengetahuan, keizinan dan kebiarannya.

(5) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah pendakwaan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai kanan awam yang diberi kuasa secara bertulis pada amnya atau khasnya untuk berbuat demikian oleh pihak berkuasa berkenaan. *N.M.B. Bab 6.*

**41.** Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana prosiding di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang didapatinya di bawah Akta ini. *Kerahsiaan.*

## **BAHAGIAN IX LIABILITI TERHADAP KEROSAKAN NUKLEAR**

Makna  
“pengendali  
pepasangan”  
bagi maksud-  
maksud  
Bahagian.

42. Bagi maksud-maksud Bahagian ini, “pengendali pemasangan” ertinya-

- (a) seorang yang dilesen di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa berkenaan sebagai pengendali pemasangan nuklear; atau
- (b) seorang yang jika tidak kerana pembatalan atau penggantungan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini tetap menjadi pemegang lesen yang sedemikian itu.

43. (1) Pengendali pemasangan adalah bertanggungjawab terhadap kerosakan nuklear apabila dibuktikan bahawa kerosakan itu telah disebabkan oleh insiden nuklear-

Liabiliti  
pengendali  
pemasangan.

- (a) dalam pemasangan nuklearnya; atau
- (b) yang melibatkan bahan nuklear yang datang atau berasal dari pemasangan nuklearnya, dan berlaku-
  - (i) sebelum liabiliti mengenai insiden nuklear yang melibatkan bahan nuklear itu diambil alih, menurut syarat-syarat nyata suatu kontrak secara bertulis, oleh seorang pengendali pemasangan yang lain; atau
  - (ii) jika tidak adanya syarat-syarat nyata yang sedemikian itu, selepas seorang pengendali pemasangan yang lain mengambil alih jagaan bahan nuklear itu;

atau

- (c) yang melibatkan bahan nuklear yang dihantar ke pemasangan nuklearnya, dan berlaku-
  - (i) selepas liabiliti mengenai insiden nuklear yang melibatkan bahan nuklear telah diambil alih olehnya, menurut terma-terma nyata suatu kontrak secara bertulis, dari seorang pengendali pemasangan yang lain; atau
  - (ii) jika tidak adanya syarat-syarat nyata yang sedemikian itu, selepas dia mengambil alih jagaan bahan nuklear itu:

Dengan syarat bahawa jika kerosakan nuklear itu disebabkan oleh suatu insiden nuklear yang berlaku dalam suatu pemasangan nuklear dan melibatkan bahan nuklear yang distor bersampingan dengan pengangkutan bahan itu, perenggan (a) tidaklah terpakai jika seorang pengendali pemasangan yang lain atau mana-mana orang yang lain itu sendiri adalah bertanggungjawab sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan (b) atau (c).

(2) Pengendali pemasangan adalah bertanggungjawab terhadap kerosakan nuklear apabila dibuktikan bahawa kerosakan itu telah disebabkan oleh suatu insiden nuklear yang melibatkan bahan nuklear yang sedang dibawa-

- (a) ke pemasangan nuklearnya dari suatu tempat yang terletak di luar Malaysia dari masa kenderaan yang membawa bahan nuklear itu memasuki Malaysia; atau



- (b) dari pemasangan nuklearnya ke suatu tempat di luar Malaysia hingga kepada masa kenderaan yang membawa bahan nuklear itu meninggalkan Malaysia.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai jika-

- (a) ada perkiraan dwipihak atau berbilang pihak yang berlawanan antara Kerajaan Malaysia dan kerajaan negara dari mana atau ke mana bahan nuklear itu dibawa; atau
- (b) ada apa-apa peruntukan berkenaan yang berkuatkuasa dan berlawanan pula dalam suatu konvensyen antarabangsa dalam mana Kerajaan Malaysia dan kerajaan negara dari mana atau ke mana bahan nuklear itu dibawa adalah menjadi pihak-pihak;

dan jika ada perkiraan atau konvensyen sedemikian yang berlawanan yang berkuatkuasa, maka liabiliti pengendali pemasangan dan semua orang yang lain hendaklah ditetapkan menurutnya.

**44.** (1) Jika bahan nuklear sedang dibawa melalui Malaysia dalam transit ke tempat tuju yang dicadangkannya di luar Malaysia dan suatu insiden nuklear berlaku di Malaysia, maka orang yang dilesen bagi bahan nuklear itu oleh pihak berkuasa kompeten di negara dari mana bahan nuklear itu dibawa keluar adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan nuklear yang berlaku itu.

Liabiliti terhadap kerosakan nuklear dari bahan-bahan nuklear dalam transit.

(2) Tiada seorang pun boleh membawa bahan nuklear dalam transit melalui Malaysia ke tempat tuju yang dicadangkannya di luar Malaysia melainkan jika orang itu-

- (a) memberi apa-apa jaminan kewangan sebagaimana dikehendaki oleh Lembaga; dan
- (b) memberi bukti yang memuaskan kepada Lembaga bahawa dia diberi kuasa berbuat demikian oleh negara dari mana bahan nuklear itu sedang dibawa keluar.

**45.** (1) Liabiliti pengendali pemasangan terhadap mana-mana kerosakan nuklear adalah mutlak.

Liabiliti mutlak dan eksklusif.

(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Bahagian ini, tiada seorang pun selain dari pengendali pemasangan adalah bertanggungjawab terhadap kerosakan nuklear.

**46.** (1) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini, tiada seorang pun adalah bertanggungjawab terhadap mana-mana kerosakan nuklear yang disebabkan oleh insiden nuklear yang diakibatkan secara langsung oleh sesuatu perbuatan konflik bersenjata, permusuhan, perang saudara, penderhakaan atau suatu bencana alam yang besar dan luar biasa keadaannya.

Pengecualian terhadap liabiliti.

(2) Pengendali pemasangan tidaklah bertanggung di bawah Akta ini terhadap kerosakan nuklear-

- (a) kepada pemasangan nuklear itu sendiri atau kepada apa-apa harta di tapak pemasangan nuklear tersebut yang diguna atau akan digunakan berkaitan dengan pemasangan nuklear tersebut; atau
- (b) kepada kenderaan dalam mana bahan nuklear yang terlibat itu dibawa pada masa insiden nuklear itu berlaku.

**47.** (1) Di mana kerosakan nuklear telah disebabkan oleh insiden nuklear, pengendali pemasangan yang berkenaan adalah berhak bertindak hanya- Hak bertindak.

- (a) jika hak itu terdapat mengikut syarat-syarat nyata suatu kontrak secara bertulis dengan seorang pengendali pemasangan yang lain atau mana-mana orang lain;
- (b) jika insiden nuklear itu adalah akibat daripada suatu perbuatan atau peninggalan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan, terhadap orang yang bertindak atau tidak bertindak dengan niat tersebut; atau
- (c) jika insiden nuklear itu adalah akibat daripada bahan nuklear yang dicuri, terhadap orang yang mencuri atau telah menerima dengan menyalahi undang-undang bahan nuklear yang menyebabkan insiden itu.

(2) Hak pengendali pemasangan berkenaan untuk bertindak di bawah seksyen ini tidaklah dengan apa cara pun menyentuh liabilitinya di bawah seksyen 45 kepada orang-orang selain dari yang disebutkan dalam seksyen ini.

**48.** Di mana ada apa-apa kerosakan nuklear kepada alam sekeliling, suatu tuntutan untuk pampasan hendaklah dibuat oleh Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri dalam Malaysia atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan, mengikut sama ada kepada bahagian alam sekeliling yang rosak itu berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri dalam Malaysia atau kedua-duanya. Kerajaan hendaklah menuntut pampasan bagi kerosakan nuklear kepada alam sekeliling.

**49.** Jika pengendali pemasangan membuktikan bahawa kerosakan nuklear tersebut telah disebabkan kesemuanya atau sebahagiannya sama ada oleh kecuaiian melampau orang yang mengalami kerosakan itu atau oleh suatu perbuatan atau ketinggalan orang itu dengan niat untuk menyebabkan kerosakan, mahkamah boleh melepaskan pengendali pemasangan itu daripada membayar pampasan berkenaan dengan kerosakan yang dialami oleh orang itu. Kecuaian melampau atau tindakan sengaja pihak menuntut.

**50.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh liabiliti pengendali pemasangan di luar kuasa Akta ini terhadap kerosakan nuklear yang mana, menurut seksyen 46 (2) (b), dia tidak bertanggung di bawah Akta ini. Liabiliti yang tidak disentuh oleh Akta.

**51.** Pihak berkuasa berkenaan boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan, melantik seorang pembawa bahan nuklear atau seorang yang mengendalikan sisa radioaktif, atas permintaan pembawa atau orang itu dan dengan Pembawa bahan nuklear atau orang yang mengendali sisa radioaktif dilantik sebagai pengendali pemasangan.

persetujuan pengendali pemasangan berkenaan, sebagai pengendali pemasangan bagi menggantikan pengendali pemasangan tersebut berkenaan dengan bahan nuklear atau sisa radioaktif itu masing-masing. Apabila sahaja dilantik sedemikian pembawa atau orang itu hendaklah dianggap sebagai pengendali pemasangan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

**52.** (1) Jika kerosakan nuklear melibatkan liabiliti kepada lebih daripada seorang pengendali pemasangan, semua pengendali pemasangan yang terlibat hendaklah, setakat mana kerosakan yang boleh dikaitkan kepada tiap-tiap seorang pengendali itu tidak semunasabahnya dapat diasingkan, bertanggung secara bersesama dan berasingan.

Beberapa pengendali pemasangan bertanggung.

(2) Jika suatu insiden nuklear berlaku semasa bahan nuklear sedang dibawa di dalam Malaysia, sama ada dalam satu kenderaan yang sama, atau, dalam hal penstoran yang bersampingan dengan pembawaan, dalam satu pemasangan nuklear yang sama, dan menyebabkan kerosakan nuklear yang melibatkan liabiliti kepada lebih, daripada seorang pengendali pemasangan, jumlah liabiliti tidak boleh lebih daripada amaun yang ditetapkan di bawah seksyen 59.

(3) Tertakluk kepada seksyen 61 (2), dalam kedua-duanya kes yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) liabiliti mana-mana pengendali pemasangan tidak boleh lebih daripada amaun yang ditetapkan di bawah seksyen 59.

**53.** Tertakluk kepada seksyen 43, di mana beberapa pemasangan nuklear yang dikendalikan oleh seorang pengendali pemasangan yang sama terlibat dalam suatu insiden nuklear, pengendali pemasangan itu adalah bertanggung berkenaan dengan tiap-tiap satu pemasangan nuklear yang terlibat itu sebanyak amaun yang ditetapkan di bawah seksyen 59.

Liabiliti pengendali bagi beberapa pemasangan nuklear yang terlibat dalam suatu insiden nuklear.

**54.** Bila-bila masa sahaja kedua-dua kerosakan nuklear dan kerosakan selain dari kerosakan nuklear yang disebabkan oleh suatu insiden nuklear atau bersesama oleh suatu insiden nuklear dan satu atau beberapa kerosakan kejadian lain, kerosakan itu hendaklah, setakat mana tidak semunasabahnya dapat diasingkan dari kerosakan nuklear itu, disifatkan bagi maksud-maksud Bahagian ini sebagai kerosakan nuklear yang disebabkan oleh insiden nuklear tersebut. Walau bagaimanapun, jika kerosakan itu disebabkan bersesama oleh suatu insiden nuklear yang mana peruntukan dibuat di bawah Bahagian ini dan oleh suatu pengeluaran sinaran mengion yang mana peruntukan tidak dibuat di bawah Bahagian ini, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghad atau secara lain menyentuh liabiliti, sama ada berkenaan dengan mana-mana orang yang mengalami kerosakan nuklear, atau dengan mengambil tindakan atau mendapatkan sumbangan, atau mana-mana orang yang mungkin bertanggung berkaitan dengan pengeluaran sinaran mengion itu.

Kerosakan bukan nuklear disifatkan sebagai kerosakan nuklear.

**55.** (1) Pengendali pemasangan hendaklah memberi kepada pembawa bahan nuklear suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak penanggung insurans atau penggerenti kewangan lain yang memberi jaminan kewangan yang dikehendaki di bawah seksyen 60.

Perakuan kepada pembawa.

(2) Perakuan itu hendaklah menyatakan nama dan alamat pengendali pemasangan dan arnau, jenis dan tempoh lamanya jaminan kewangan itu dan butir-butir ini tidak boleh dipertikaikan oleh orang yang untuknya atau bagi pihaknya perakuan itu dikeluarkan.

(3) Perakuan itu hendaklah juga menyatakan bahan nuklear yang diliputi oleh jaminan kewangan itu dan hendaklah termasuk suatu pernyataan oleh pihak berkuasa berkenaan bahawa orang yang dilantik itu adalah seorang pengendali pemasangan dalam erti Bahagian ini.

**56.** Pihak berkuasa berkenaan boleh memutuskan supaya beberapa pemasangan nuklear yang dikendalikan oleh seorang pengendali pemasangan yang terletak atas tapak yang sama dianggap sebagai satu pemasangan nuklear bagi maksud-maksud Bahagian ini.

Beberapa pemasangan nuklear di atas tapak yang sama.

**57.** (1) Apa-apa insiden nuklear yang melibatkan pemakaian Akta ini hendaklah segera dilaporkan kepada Lembaga. Pengendali pemasangan yang berkenaan hendaklah memberi kepada Lembaga semua maklumat yang dikehendaknya untuk menilai takat kerosakan nuklear yang terlibat.

Penyiasatan mengenai insiden nuklear.

(2) Lembaga hendaklah membuat suatu penyiasatan mengenai sebab dan takat kerosakan nuklear dari insiden nuklear itu, dan setakat mana yang difikirkannya berfaedah untuk kepentingan awam, dapatan Lembaga boleh diberi kepada orang awam dan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi maksud-maksud Bahagian ini.

**58.** (1) Selepas berlakunya sesuatu insiden nuklear, Lembaga boleh mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menentukan orang-orang yang telah atau mungkin telah terdedah kepada sinaran mengion akibat daripada insiden nuklear itu.

Pemeriksaan dan rawatan paksa.

(2) Walau apa pun undang-undang yang berlawanan dan bagi maksud-maksud menguatkuasakan langkah-langkah yang disebutkan dalam subseksyen (1), Lembaga boleh-

- (a) menghendaki mana-mana orang yang disyaki terdedah atau mungkin terdedah kepada sinaran mengion supaya diperiksa doktor oleh pihak berkuasa atau badan kompeten yang dilantik oleh Menteri;
- (b) menyebabkan mana-mana orang itu dibawa ke hospital atau ke tempat lain yang dikhaskan untuk merawat, mengesan atau memerhatikan apa-apa kerosakan nuklear kepada orang tersebut, dan menahan orang tersebut sehingga dia boleh dilepaskan tanpa mendatangkan bahaya kepada dirinya atau orang-orang lain; atau
- (c) menyebabkan suatu pemeriksaan *post-mortem* dilakukan ke atas mana-mana mayat jika kematian disyaki telah disebabkan oleh suatu insiden nuklear atau pendedahan kepada sinaran mengion.

(3) Mana-mana orang yang enggan, tidak atau cuai mematuhi pemeriksaan, rawatan, pengesanan atau pemerhatian di bawah seksyen ini atau enggan atau menghalang pemeriksaan post-mortem ke atas mayat, di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan atau denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit atau kedua-duanya.

**59.** (1) Walau apa pun undang-undang yang berlawanan tetapi tertakluk kepada Bahagian ini, liabiliti seorang pengendali pemasangan terhadap kerosakan nuklear di bawah Akta ini adalah dihadkan kepada suatu amaun yang senilai pada mula berkuatkuasanya Akta ini dengan lima puluh juta ringgit bagi sesuatu insiden nuklear. Had liabiliti.

(2) Lembaga boleh, dengan mengambil kira saiz dan jenis pemasangan nuklear, takat kerosakan yang terlibat atau apa-apa hal-keadaan lain, menetapkan suatu had liabiliti yang berlainan daripada yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) tetapi had liabiliti yang berlainan itu hendaklah, dalam apa keadaan pun tidak boleh kurang daripada amaun yang senilai pada mula berkuatkuasanya Akta ini dengan dua belas juta ringgit bagi sesuatu insiden nuklear.

(3) Amaun-amaun yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) tidaklah termasuk apa-apa bunga atau kos yang diaward oleh mahkamah dalam tindakan-tindakan untuk mendapatkan pampasan bagi kerosakan nuklear.

**60.** (1) Tiada apa-apa lesen untuk mengendalikan suatu pemasangan nuklear atau mengimport atau mengeksport bahan nuklear ke Malaysia atau dari Malaysia boleh dikeluarkan di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa berkenaan kepada seorang pengendali pemasangan atau mana-mana orang lain melainkan jika pengendali pemasangan atau orang lain menjamin dan menyenggara insurans atau jaminan kewangan lain yang meliputi liabilitinya terhadap kerosakan nuklear di bawah Akta ini. Jaminan kewangan.

(2) Lembaga hendaklah menetapkan jenis dan terma-terma insurans atau jaminan kewangan lain yang hendaklah dijaminan atau disenggarakan oleh pengendali pemasangan atau mana-mana orang lain, dan insurans atau jaminan kewangan lain itu yang boleh termasuk insurans persendirian, tanggung rugi kontrak persendirian, insurans diri atau gabungan daripadanya atau keterangan lain mengenai keupayaan kewangan bagi membayar pampasan di bawah Akta ini.

(3) Walau apa pun undang-undang yang berlawanan tiada seorang pun penanggung insurans atau penggerenti kewangan lain boleh menggantung, membatalkan atau mengubah jenis dan terma-terma insurans atau lain-lain jaminan kewangan yang diadakan di bawah seksyen ini tanpa memberi sekurang-kurangnya dua bulan notis bertulis kepada Lembaga tentang niatnya untuk berbuat demikian, atau setakat mana insurans atau jaminan kewangan lain itu berkaitan dengan membawa bahan nuklear, dalam tempoh pembawaan yang berkenaan itu.

**61.** (1) Kerajaan Malaysia boleh, di mana didapatinya perlu untuk berbuat demikian, menanggung rugi pengendali pemasangan yang bertanggung dan memperuntukkan Tanggung rugi kerajaan.

wang yang perlu bagi membayar tuntutan pampasan kerana kerosakan nuklear yang telah ditetapkan untuk dibayar oleh pengendali itu setakat mana wang yang diperolehi dari insurans atau lain-lain jaminan kewangan itu tidak mencukupi untuk menjelaskan tuntutan itu:

Dengan syarat bahawa tanggung rugi yang diperuntukkan sedemikian oleh Kerajaan Malaysia, berserta wang yang diperolehi dari insurans atau lain-lain jaminan kewangan, tidaklah boleh pada agregatnya lebih daripada amaun yang ditetapkan di bawah seksyen 59 bagi sesuatu insiden nuklear.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), jika didapati bahawa tuntutan bagi pampasan kerana kerosakan nuklear yang disebabkan oleh suatu insiden nuklear mungkin melebihi had liabiliti yang ditetapkan di bawah seksyen 59, Lembaga hendaklah memberi suatu laporan kepada Menteri bersama dengan syornya supaya diperuntukkan wang tambahan bagi membayar tuntutan-tuntutan pampasan itu dan Menteri hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan dengan serta-merta dalam Dewan Rakyat.

(3) Apabila laporan itu dibentangkan di hadapannya, Dewan Rakyat boleh melalui ketetapan memperuntukkan wang tambahan bagi maksud itu jika didapatinya perlu bagi kepentingan negara bahawa had liabiliti yang ditetapkan di bawah seksyen 59 sepatutnya dilebihi tetapi tidak sebaliknya.

**62.** Jika, selepas berlakunya suatu insiden nuklear, Kerajaan Malaysia bercadang menanggung-rugi pengendali pemasangan menurut seksyen 61, mahkamah yang menghakimi mana-mana tuntutan pampasan yang berbangkit dari insiden nuklear itu hendaklah membenarkan Kerajaan Malaysia mencampur tangan dalam prosiding itu pada bila-bila masa sebelum keputusan muktamad dibuat.

Campur tangan dalam prosiding mahkamah.

**63.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), hak mendapat pampasan di bawah Akta ini adalah terhenti dua puluh tahun selepas dari tarikh insiden nuklear itu.

Penetapan hak dan tindakan.

(2) Tindakan-tindakan untuk pampasan di bawah Akta ini adalah terhalang melainkan ianya dibawa dalam tempoh dua puluh tahun dari tarikh orang yang menanggung kerosakan nuklear itu tahu atau semunasabahnya telah tahu mengenai kerosakan itu:

Dengan syarat bahawa-

(a) mana-mana orang yang mengaku telah menanggung kerosakan nuklear dan yang telah membawa suatu tindakan untuk pampasan dalam tempoh yang berkenaan menurut subseksyen ini boleh meminda tuntutan untuk mengambilkira apa-apa tambahan kepada kerosakan itu, walaupun selepas tamat tempoh tersebut; dan

(b) keputusan muktamad belum dicatatkan mengenai kes itu.

**64.** (1) Jika kerosakan nuklear disebabkan oleh suatu insiden nuklear yang melibatkan bahan nuklear yang pada bila-bila masa telah dicuri, hilang, dibuang atau ditinggalkan, tempoh yang ditetapkan untuk membuat tuntutan pampasan menurut seksyen 63 hendaklah dikira dari tarikh insiden nuklear itu dan bukan dari tarikh bahan nuklear itu dicuri, hilang, dibuang atau ditinggalkan.

Penetapan mengenai bahan nuklear yang dicuri, hilang, dibuang atau ditinggalkan.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, tindakan untuk pampasan dalam hal-keadaan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dibuat terhadap pengendali pemasangan menurut seksyen 45 tetapi tidak menyentuh, bagaimanapun, kepada hak bertindaknya di bawah seksyen 47 dan mana-mana orang yang terhadapnya pengendali pemasangan mempunyai hak bertindak di bawah seksyen 47 tidak berhak membawa apa-apa tuntutan pampasan terhadap pengendali pemasangan itu.

**65.** Apabila didapati bahawa kerosakan nuklear yang disebabkan oleh suatu insiden nuklear mungkin melebihi had liabiliti yang ditetapkan di bawah seksyen 59, dan apabila permohonan dibuat oleh Kerajaan Malaysia di mana ia bercadang untuk bertindak menurut seksyen 61, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam perkara itu hendaklah mengeluarkan apa-apa perintah yang perlu untuk memastikan pembahagian yang saksama akan pampasan, termasuk perintah-perintah mengumpulkan pembayaran-pembayaran yang akan dibuat kepada pihak-pihak menuntut dan perintah-perintah yang membenarkan pembayaran separa dibuat sebelum jumlah tuntutan-tuntutan diputuskan dengan muktamad.

Bila tuntutan melebihi had maksimum.

**66.** Tanpa menjejaskan hak-hak pampasan di bawah mana-mana undang-undang lain, Menteri boleh, jika dia memutuskan bahawa risiko yang terlibat adalah kecil, mengecualikan mana-mana jumlah kecil ditetapkan dari apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan daripada pemakaian Bahagian ini.

Pengecualian

## **BAHAGIAN X AM**

**67.** (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa arahan khas atau am, mewakilkan kepada mana-mana orang atau mana-mana golongan orang (sama ada atas nama atau jawatan) mana-mana daripada kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajibannya di bawah Akta ini sebagaimana difikirkannya patut.

Perwakilan kuasa dan kewajipan.

(2) Apa-apa perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan atau diubah oleh Lembaga.

**68.** (1) Menteri boleh, bagi maksud menjalankan Peraturan-peraturan Akta ini, membuat peraturan-peraturan, termasuk peraturan-peraturan-

- (a) bagi mengawal, mengawasi dan melesen pengeluaran, pemakaian dan penggunaan tenaga atom; dan
- (b) bagi mengawalselia pengeluaran, pengimportan, pengeksporan, pengangkutan, penapisan, pemilikan, pemunyaan, penggunaan, penjualan atau pelupusan atau lain-lain urusan mengenai apa-apa bahan radioaktif,

Peraturan-peraturan

bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran atau apa-apa benda lain yang pada pendapat Menteri boleh digunakan bagi pengeluaran, penggiinaan atau pernakajian tenaga atom.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh juga dibuat bagi sernua atau mana-mana maksud berikut-

- (a) membuat peruntukan bagi memastikan supaya apa-dpa, keluaran radioaktif atau sisa radioaktif dari mana-mana sumber ditumpuk atau dilupuskan dengan selamat;
- (b) menetapkan cara mengolah atau melupuskan mana-mana kenderaan, bungkusan atau bekas yang telah digunakan untuk mengangkut, mengisi atau menstor apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan, radas penyinaran atau sisa radioaktif;
- (c) menetapkan bagi maksud-maksud apakah mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran boleh digunakan dan memperuntukkan pengelasan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (d) melarang atau menyekat penggunaan manamana bahan radioaktif, bahan nuklear tertentu atau benda ditetapkan, atau mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear tertentu atau benda ditetapkan yang mengandungi kepekatan sesuatu unsur kimia radioaktif lebih daripada yang ditentukan;
- (e) melarang atau menyekat penggunaan manamanj jenis radas penyinaran tertentu;
- (f) menghendaki pematuhan kepada standardstandard yang berhubungan dengan penyukatan sinaran mengion;
- (g) mengawalselia keluaran preskripsi yang mengandungi apa-apa benda ditetapkan yang dibuat oleh pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar;
- (h) mengawalselia pendispensaart dan pensebatian preskripsi yang mengandungi apa-apa benda ditetapkan yang dibuat oleh ahli-ahli farmasi yang berdaftar;
- (i) mengadakan peruntukan berkenaan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran supaya membuat penyata-penyata mengenainya dan mengenai jenis dan kuantiti bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang ada;
- (j) mengadakan peruntukan mengenai penyimpanan rekod-rekod oleh pembeli-pembeli bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran dengan menyebutkan bagi maksud apakah bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu digunakan, dan mengenai pemeriksaan rekod-rekod ini, dan mengenai pernbuatan penyata-penyata dari catatan-catatan dalam rekod-rekod ini;



- (k) mengadakan peruntukan supaya rekod-rekod disimpan mengenai semua pemakaian sinaran mengion atau benda-benda ditetapkan bagi maksud-maksud diagnosis atau terapeutik;
- (l) mengadakan peruntukan mengenai prosedur bagi permohonan dan menetapkan borangborang permohonan, lesen-lesen, daftar-daftar, notis-notis dan dokumen-dokumen lain yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini;
- (m) menetapkan fee-fee berkenaan dengan mana mana lesen di bawah Akta ini atau bagi apaapa perkara yang berkenaan dengannya fee-fee boleh dikenakan di bawah Akta ini;
- (n) mengadakan peruntukan mengenai pengawakelaaan rayuan-rayuan di bawah Bahagian VII. atau
- (o) menetapkan apa-apa perkara yang mungkin diperlukan bagi maksud-maksud Akta ini.

**69.** (1) Menteri boleh, melalui perintah dalam Warta., dengan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat dikenakan, mengecualikan mana-mana orang ~atau mana-mana golongan orang dari mana-mana atau semua, peruntukan Akta ini.

Pengecualian.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

**70.** Akta Benda-Benda Radioaktif 1968 adalah dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Akta tersebut adalah tetap sah dan disifat telah dikeluarkan sebagai suatu lesen di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa berkenaan, bergantung atas sama ada aktiviti yang dilesenkan itu adalah berkenaan dengan maksud perubatan atau suatu maksud selain dari maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga, dan hendaklah berkuatkuasa selama tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

Pemansuhan  
Akta Benda-  
Benda  
Radioaktif  
1968.  
*Akta 17/68*

**71.** Akta ini adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan mengurangkan kuasa mana-mana undangundang lain berhubungan dengan barang-barang berbahaya yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian dalam Malaysia.

Perjalanan  
kuatkuasa  
Akta.